

**DEWAN MAJLIS****Ahad, 26 Rejab 1443 / 27 Februari 2022****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.  
**(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.  
**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.  
**(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**(Hadir secara virtual)**

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

**(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

**(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

**(Tidak hadir pagi dan petang)**

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini bagi hari yang keempat Ahad, 26 Rejab 1443 bersamaan 27 Februari 2022, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Kita bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang keempat dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada petang semalam, persidangan kita telah mula meneliti dan membahaskan Tajuk-Tajuk

Jadual bagi Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022/2023 yang mana undang-undang itu telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Untuk tidak membuang waktu lagi, kita sekarang perlu meneliti jadual-jadual yang berkenaan secara terperinci. Bagi membolehkan kita membuat sedemikian persidangan ini saya tangguhkan untuk dapat kita bersidang semula di peringkat jawatankuasa sepenuhnya.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

#### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** **أهلي-أهلي** **Yang Berhormat,** majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang 2022 Perbekalan 2022/2023 satu persatu yang telah mana undang-undang ini dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada petang semalam kita telah pun membincangkan dan meluluskan tajuk-tajuk dibawah Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dan juga Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Sekarang kita menyambung semula untuk membincangkan dan membahaskan tajuk-tajuk selanjutnya.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Tajuk SB01A dan SB04A Kementerian Pertahanan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Kementerian Pertahanan bagi Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A.

Sebagaimana lazim dan yang telah kita amalkan sebelum ini, bahawa Kementerian Pertahanan juga adalah sebuah kementerian yang tertutup kerana ianya berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara dan ianya tidaklah sesuai untuk dibincangkan secara terbuka.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi laluan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II untuk memberikan mukadimahnya tentang penyediaan belanjawan bagi Kementerian Pertahanan ini. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pertahanan II. Silakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Pertahanan II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لِلَّهِمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَيَلْغُنَا رَمَضَانَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang peramba/kaola/saya hormati. Terlebih dahulu izinkan peramba/kaola/saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih pada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang

diberikan untuk mengongsikan mukadimah dalam memberikan penerangan mengenai keutamaan-keutamaan dan objektif-objektif strategik Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Sehubungan ini, jumlah yang telah diperuntukkan ialah sejumlah \$597, 673 680.00.

Pada kesempatan ini, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia bagi penyediaan peruntukan Kementerian Pertahanan sebesar demikian, tahun demi tahun, sejurusnya mencerminkan komitmen kerajaan yang tinggi dan konsisten dalam mewujudkan pertahanan negara yang matang dan mampan.

Yang Berhormat Pengerusi.

Seperti tahun lalu, sekali lagi kita bersidang ketika negara dan dunia sedang berjuang mengharungi arus krisis penularan COVID-19. Di samping memberikan impak kepada kehidupan seharian, ancaman rentas negara ini turut mengorbankan warganegara kita. Peramba/kaola/saya bagi pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ingin merakamkan ucapan takziah buat ahli

keluarga yang kehilangan orang tersayang akibat wabak ini.

Kementerian Pertahanan juga bersama kementerian-kementerian yang lain sukacita mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan penghargaan tulus kepada petugas-petugas barisan hadapan dan sukarelawan-sukarelawan yang tabah dan berani menghulurkan khidmat bakti di dalam persekitaran pandemik yang sangat mencabar dan menakutkan ini.

Disertai tawakal dan berserah kepada *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* sebaik-baik pelindung, apa yang jelas, berdasarkan pengalaman kita sejak dua tahun kebelakangan ini ialah kita perlu terus memperjuangkan usaha dan semangat pendekatan senegara atau *whole of nation approach* untuk memulih kualiti hidup, mengadaptasi dalam norma baharu ini, Kementerian Pertahanan memperteguhkan tekad akan terus menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan ke arah memastikan *foundation* persekitaran keselamatan negara yang kukuh bagi mendukung pemulihan dalam masa yang mencabar ini.

Hingga ke hari ini ancaman pandemik ini masih sukar diramal dari berbagai sudut terutama sekalinya bila ianya akan berakhir. Inilah yang dinilai sebagai manifestasi ketidakpastian ataupun *uncertainty* yang sering disebutkan mengenai ancaman-ancaman dan risiko-risiko keselamatan masa hadapan.

Berasaskan *uncertainty* seperti ini, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa peka

akan kepentingan untuk mewujudkan tahap kapasiti, keupayaan kesiapsiagaan yang efektif bagi membolehkan penyelesaian dan peranan (*adaptability*) dan respons yang pantas kepada apa jua bentuk ancaman yang akan timbul nanti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli  
Yang Berhormat.

اللَّهُمَّ، sepertimana yang terbukti perancangan strategik dan pelaksanaan pembangunan kapasiti, keupayaan dan kesiapsiagaan dalam *military medicine* dan *military operations other than war* (MOOTW) khasnya telah meningkatkan tahap *responsiveness* dan membolehkan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk memberikan sokongan berkesan kepada tindak balas kebangsaan dalam berhadapan ancaman pandemik di negara kita yang tercinta ini.

Semenjak bermulanya gelombang pandemik pada bulan Ogos lalu, pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah diberikan kepercayaan dan tanggungjawab yang lebih besar jika dibandingkan dengan fasa pertama melalui penerajuan Pusat Penyelarasan Kebangsaan bagi *COVID-19* atau lebih dikenali sebagai N3C19 dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan. Pusat ini berperanan sebagai nadi penggerak utama dalam menentukan keperluan pentadbiran dan merancang operasi yang berbentuk *non-clinical* bersama kementerian, agensi dan jabatan yang berkepentingan. Walaupun kita bukannya dalam peperangan bersama musuh dari sudut konvensional,

namun elemen-elemen perancangan operasi yang sedia ada yang berlandaskan prinsip, konsep serta doktrin tentera seperti *command and control* dan *Civil Military Cooperation* (CIMIC) turut dinilai relevan dan diguna pakai dalam mengkordinasikan respons senegara yang lebih teratur, berkesan dalam operasi yang bersifat kompleks ini.

Selain daripada N3C19, Pasukan Petugas (*Task Force*) *COVID-19* turut ditubuhkan sejak tahun 2020 untuk memberi pelbagai bantuan operasi dalam mendukung tambah kapasiti Kementerian Kesihatan melalui peranan bantuan tenaga dan kepimpinan di pusat-pusat pengasingan, bantuan logistic, ujian makmal dan saringan *COVID-19*, pelaksanaan program vaksinasi, operasi masjid serta bantuan khidmat jenazah.

Melalui mekanisme sedia ada dan yang baru ditubuhkan ini, seramai lebih kurang dari 3,000 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dikerahkan dan ke 18 lokasi di seluruh negara dalam sama-sama membendung wabak *COVID-19*. Sementara itu, lebih 100 orang pegawai dan kakitangan awam Kementerian Pertahanan turut menyumbang bakti kepada kerajaan bertugas sebagai *frontliners* dan sukarelawan di N3C19, Kementerian Kesihatan dan Pusat Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ataupun MRS Bolkih Garison.

Meskipun penglibatan ABDB sewaktu krisis pandemik ini kelihatan lebih menjurus kepada operasi bukan tradisional, namun kesediaan

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk melaksanakan operasi-operasi konvensional dan operasi bantuan rutin tidak sama sekali diabaikan. Perlindungan infrastruktur-infastruktur utama negara, operasi rondaan-rondaan keselamatan di sempadan darat dan kawasan maritim termasuk jalan-jalan tikus, pengawasan-pengawasan udara serta bantuan kemanusiaan dan bencana alam (HADR) tetap terus diadakan sepanjang masa.

Salah satu tren keselamatan yang dapat dikenal pasti sejak bermulanya pandemik 2 tahun yang lalu ialah peningkatan dalam jumlah aktiviti-aktiviti jenayah merentas sempadan termasuk penyeludupan dadah haram. Ini setentunya tren yang sangat membimbangkan, akan tetapi dengan kerjasama agensi-agensi keselamatan, penguatkuasaan serta rakyat negara ini, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, kita telah berjaya mengekang aktiviti-aktiviti haram berkenaan dengan mengendalikan lebih banyak operasi ketika keadaan yang tidak menentu ini. Pendekatan senegara atau *whole of nation* yang dipraktikkan ini turut melibatkan pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah meluaskan *footprint* operasinya di kawasan-kawasan negara ini dalam sama-sama menjayakan agenda kolektif kita ke arah memperkasa keberkesanan kerajaan membentasi jenayah merentas sempadan.

Secara keseluruhannya, keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembendungan kecemasan atau krisis seperti COVID-19 ini merupakan

dividen atau pulangan kepada pelaburan besar kerajaan selama ini. Jika dinilai dari sudut keberkesanan *exercise* ketenteraan, kursus-kursus serta usaha berterusan dalam memupuk kerjasama awam tentera semenjak 60 tahun penubuhannya.

Dalam pada itu, pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Upacara *Sovereign's Parade* Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada bulan Januari baru-baru ini, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei **ان شاء الله** akan terus secara berkeyakinan memberikan sumbangan yang bermakna dalam menangani COVID-19 sejauh mana yang diperlukan. Sesungguhnya titah penghargaan seorang raja yang berdaulat dan bijaksana ini telah dan terus menyunting semangat anggota-anggota Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke arah pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang berkesan.

Yang Berhormat Pengerusi.

Sebagai tunjang utama dalam melindungi dan mempertahankan keutuhan wilayah dan kedaulatan negara sudah terbukti pentingnya bagi Kementerian Pertahanan khususnya lagi di waktu ujian seperti ini untuk wujud sebagai entiti pertahanan yang kukuh dan *credible* dari segi kapasiti, keupayaan, semangat mahupun komitmen. Inilah yang dizahirkan dalam visi kemas kini Kementerian Pertahanan iaitu bagi mewujudkan "Sebuah



Angkatan Tentara yang Dihormati dan Rakan Kerja yang Mantap”.

Mencapai *posture* pertahanan yang di inspirasi ini pada sebahagian besarnya memerlukan pensejajaran dengan lanskap keselamatan dan geopolitik sekeliling kita. Perkembangan-perkembangan strategik yang dinamik di dalam mahupun di luar rantau sentiasa membawa perubahan terhadap spektrum ancaman yang sejurusnya memberi implikasi terhadap pertahanan negara.

Ini antara lainnya merangkumi ketidakstabilan politik, krisis kerapuhan ekonomi, *resource over demand*, bencana alam, perubahan iklim serta penganasan dan ekstremisme. Perkembangan-perkembangan ini dijangka akan terus membentuk dan mempengaruhi persekitaran keselamatan kita dalam tempoh 15 tahun yang akan datang iaitu menyelusuri dan melewati tahun Wawasan Negara 2035 dicapai nanti. Dan ini juga pada sebahagian besarnya akan bergantung kepada pelbagai faktor pemacu seperti globalisasi, pendigitalan, automasi dan migrasi.

Walaupun perkembangan-perkembangan sedemikian turut diselubungi dengan aspek ketidakpastian (*uncertainty*), apa yang semakin jelas ialah kita perlu memwujudkan faktor cegah rintang (*deterrence*) yang efektif dan kemampuan respon pantas kepada spektrum ancaman dan cabaran yang datang dari pelbagai arah sama ada tradisional ataupun bukan tradisional seperti yang pernah hamba/kaola

bertentang dalam ucapan mukadimah dan Ucapan Penungguhan pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu.

Berlatarbelakangkan tekad dan semangat, warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berganding bahu meskipun dalam suasana pandemik, penilaian-penilaian rapi dan komprehensif telah dibuat dan daripadanya dihasilkan hala tuju perancangan pembangunan Kementerian Pertahanan yang terlebih terancang dan tearah.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, ini dimanifestasikan dalam pelancaran Kertas Putih Pertahanan 2021, “*Defending The Nation’s Sovereignty: A Secure and Resilient Future*” oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Sambutan Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pada 31 Mei yang lalu.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan telah pun diberikan taklimat mengenai kandungan Kertas Putih Pertahanan (KPP) ini pada bulan Julai tahun lalu.

Berunsur *forward looking*, Kertas Putih terbaharu ini mengariskan cabaran-cabaran strategik khusus dari lensa Negara Brunei Darussalam dan seterusnya membentangkan strategi-strategi serta keutamaan-keutamaan pertahanan yang dikemas kini dari Kertas Putih sebelumnya berikutan tuntutan terhadap peranan pertahanan yang kian bertambah dan sesuai dengan

kematangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah mencapai usia 60 tahun. Turut digariskan ialah tugas-tugas pertahanan yang lebih menyeluruh berdasarkan keutamaan-keutamaan terkini termasuk antaranya;

- i) Memantau persekitaran strategik untuk memastikan pengecaman awal;
- ii) Mempertahankan negara daripada ancaman luar;
- iii) Berkerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan dalam sama-sama melindungi kepentingan negara di kawasan maritim dan sempadan darat negara serta meningkatkan lagi keupayan negara untuk menangani keganasan dan ancaman siber;
- iv) Memberi sokongan terhadap agensi-agensi awam terutamanya jika cabaran yang dihadapi di luar skala dan melebihi keupayaan dan kemampuan agensi awam;
- v) Berkerjasama rapat dengan negara-negara lain melalui diplomasi pertahanan sama ada negara-negara ASEAN mahupun negara-negara di luar rantau; dan
- vi) Menyokong usaha rantau dan antarabangsa yang lebih luas yang menjurus kepada kestabilan rantau secara amnya atau khusus kepada operasi pengaman dan operasi bantuan kemanusiaan di samping menimba pengalaman dan menambah pengetahuan anggota.

Tambahan ini tidak kurang pentingnya ialah *review* kepada perancangan strategik pertahanan yang juga telah dilaksanakan dalam memastikan persejajaran serta pencapaian matlamat-matlamat yang digariskan di dalam dokumen-dokumen pertahanan berlandaskan kepada tiga tonggak pertahanan iaitu Cegah Rintang, Diplomasi Pertahanan dan Pertahanan Holistik ke arah pencapaian dan pemeliharaan *key result areas* pertahanan di bawah *akronim* IKWONDAMAI seperti yang pernah hamba kaola saya huraikan semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, jika boleh kaola ulangi iaitu;

**I** -Intergiti wilayah yang kukuh.;

**K** - Tahap Keupayaan tempur dan kesiap siagaan yang tinggi.;

**WON** -Mendukung pendekatan *Whole Of Nation.*;

**D** -Diplomasi pertahanan yang efektif.;

**A** -Penglibatan pertahanan dalam Misi-Misi Antarabangsa.;

**MA** -Sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi.;

**I** -Imej pertahanan yang kredibel.

Demikian juga review pada perancangan keupayan dan penyusunan struktur Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang sedang giat dijalankan melalui dokumen-dokumen berbentuk jangka masa sederhana dan panjang iaitu *Force 2035* dan *Force Structure Review* seiring dengan matlamat Brunei Wawasan Brunei 2035. Berdasarkan keutamaan-keutamaan yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021, rancangan menyeluruh ini dihasrat menaikkan lagi

keberkesanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melalui pengenalan landasan dan keupayaan baharu dan menitikberatkan pengisian jurang keupayaan, kaedah *jointry*, pembangunan keupayaan berasaskan *Defence Lines of Development (DLODs)* serta permanfaatan teknologi dan inovasi moden yang bukan saja meliputi domain-domain lazim iaitu darat, udara dan maritim bahkan juga siber dan ان شاء الله angkasa lepas. Sebagai contoh baru-baru ini kita telah berjaya mengoperasikan projek *Unmanned Aerial System* atau UAS berlandaskan teknologi moden untuk menjalankan tugas-tugas perjalanan bagi tujuan Perisikan (*Intelligence*), Pengawasan (*Surveillance*) dan Peninjauan (*Reconnaissance*) (ISR). Fasa-fasa pelaksanaan lanjut sudah pun dirancang dan adalah *on track* dan ianya juga dihasratkan untuk menyumbang kepada keperluan nasional seperti bantuan kemanusiaan dan bencana alam, *search and locate*, pemadaman kebakaran, kawalan sempadan dan operasi penguatkuasaan undang-undang.

Disamping aspek keupayaan, ketidakpastian dan risiko yang dinilai semakin kompleks akibat persekitaran strategik yang lebih *fragmented* sejak kebelakangan ini juga memerlukan kita untuk sentiasa komited ke arah mendalami lagi tahap kepercayaan dan keyakinan bersama negara-negara sahabat melalui diplomasi pertahanan serta penglibatan dalam misi-misi antarabangsa. Justeru itu, kita juga perlu terus bergiat aktif untuk mengerakkan usaha-usaha pada

peringkat pelbagai hala, sepertimana kejayaan kita mengalas tanggungjawab sebagai Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN (ADMM)* yang Ke-15 dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN Plus (ADMPPlus)* yang Ke-8 pada tahun lalu, ketika Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi peringkat *ASEAN* iaitu dalam membina *ASEAN-centric security architecture* yang lebih inklusif, positif dan teguh (*robust*) bagi menjamin masa depan *ASEAN*, kekal sebagai rantau yang makmur, stabil dan aman. Selaku negara yang membangun yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, pembangunan dan keselamatan kita sangat bergantung kepada persekitaran luar yang sedemikian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk memangkin pelaksanaan dasar dan strategi pertahanan dengan berkesan, pelaksanaan program dan inisiatif di peringkat *functional* juga turut dititikberatkan ke arah;

- a) Memantapkan perancangan keupayaan.;
- b) Meningkatkan sokongan logistik.;
- c) Memantapkan pengurusan dan penggunaan sumber manusia termasuk hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan anggota.;
- d) Mengoptimumkan penggunaan sains dan teknologi pertahanan;

- e) Meningkatkan keberkesanan pembangunan dan prestasi infrastuktur.; dan
- f) Memantapkan financial stewardship dalam pengurusan kewangan yang diperuntukkan.

Mengiringi keberkesanan perancangan pertahanan adalah penekanan kepada perlaksanaannya dan intergiti dan tadbir urus terbaik di semua peringkat daripada barisan kepimpinan, keseluruhan kakitangan dan anggota pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Berteraskan kepada nilai-nilai teras, Takwa, Setia, Berani dan Profesional dan nilai-nilai Maqasid Syariah yang buat julung kalinya di ketengahkan dalam Kertas Putih Pertahanan Negara yang terkini. Perhatian dan usaha akan terus dipertingkatkan, sepertimana penaiktarafan Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau ringkasnya JAMA'AT dari peringkat unit ke peringkat jabatanarah sejak Mei tahun lalu, bagi menerapkan dan mengukuhkan nilai-nilai ini ke dalam karakter sebagai ciri-ciri murni dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan serta tata cara pengurusan di Kementerian Pertahanan. Kombinasi ini akan mengukuhkan lagi keyakinan dan tahap kepercayaan kepada perkhidmatan pertahanan sebagai tonggak pertahanan negara secara holistik *whole of government and whole of nation*.

Yang Berhormat Pengeruai dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kita memasuki tahun fiskal yang baharu ini peramba/kaola, saya ingin menekankan lagi bahawa kerja pembangunan pertahanan negara akan terus fokus dan dikekalkan *on track* menurut kerangka komprehensif perancangan pertahanan yang baru sahaja kaola kongsiakan tadi.

ان شاء الله ini akan seterusnya membolehkan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berupaya bergerak dengan mantap melaksanakan tuntutan peranannya untuk mempertahankan kedaulatan raja dan agama, kestabilan dan kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat, memberi ruang selamat kepada pembangunan dan kemajuan negara yang lancar dan tidak tersekat seterusnya mendukung pencapaian matlamat Wawasan 2035.

Dalam kesempatan mukadimah ini, peramba, kaola, saya ingin sekali lagi mengungkapkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada semua anggota perkhidmatan keselamatan negara khususnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang sentiasa cekal, tabah, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara. Peramba/ kaola/ saya secara peribadi sentiasa mendoa semoga segala jasa dan pengorbanan mereka dalam mempertahankan agama, raja, bangsa dan negara dikurniakan ganjaran yang setimpal oleh *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua.

Peramba / kaola / saya sukacita mengulangi antara seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa "...pertahanan dan keselamatan adalah tanggungjawab bersama dan sesuatu yang tidak boleh sekali-sekali dikompromi dan akan sentiasa diberikan keutamaan...".

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II atas mukadimah yang telah dibentangkan dengan begitu jelas dan terperinci dan sememangnya tidaklah perlu untuk dibahas lagi, maka dengan itu saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Jadual ini diluluskan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, semuanya bersetuju.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Tajuk SB01A hingga tajuk SB04A dijadikan sebahagian daripada Jadual iaitu Kementerian Pertahanan.

Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih untuk meneliti Kementerian Kewangan dan Ekonomi

berserta dengan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum tajuk-tajuk kecil ini dibuka untuk dibahas, saya suka memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan perancangannya dalam penyediaan belanjawan bagi kementeriannya ini, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola menerangkan secara ringkas cadangan peruntukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi seperti berikut, secara keseluruhannya peruntukan adalah disediakan berjumlah \$1,11,516,668 bilion iaitu untuk membiayai.

1. Gaji kakitangan berjumlah \$68,864,090 juta iaitu peningkatan kira-kira \$1.47 juta dari Tahun Kewangan 2021/2022. Peningkatan adalah disebabkan oleh pengiraan sebenar gaji dan elaun-elaun bagi jawatan-jawatan yang telah diisikan, permintaan empat jawatan dari *Printplus* dan persediaan bagi penyerapan jawatan seramai 76 orang *open vote* dan 4 orang gaji hari;
2. Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah \$931,281,030 iaitu meningkat sebanyak \$86,309,621 dari

peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022.

3. Perkhidmatan Rampaian diperuntukkan sebagai \$790.8 juta untuk membiayai perkara berikut:-

i. Keselamatan dan Pertahanan berjumlah \$121.8 juta.;

ii. Perkhidmatan Perubatan berjumlah \$30 juta.;

iii. Menangani wabak penyakit berjangkit termasuk pembelian vaksin *COVID-19* berjumlah \$124.5 juta.;

iv. Perbelanjaan bagi menangani bencana alam seperti melaksanakan kerja-kerja perlindungan jangka masa panjang bagi tanah susur dan banjir berjumlah \$15 juta.;

v. Keselamatan Awam berjumlah \$3.2 juta.;

vi. Projek Teknologi Maklumat berjumlah \$12.4 juta.;

vii. Kemajuan Daerah Temburong berjumlah \$6.7 juta.;

viii. Program bantuan kepada pelajar-pelajar skim Miftahun Najaah dari keluarga yang kurang kemampuan iaitu bantuan ini merupakan *in kind* seperti seragam pakaian sekolah, buku kerja, alat tulis dan yuran sekolah berjumlah \$1.5 juta dan lain-lain perbelanjaan.; dan

ix. Manakala di bawah kategori perbelanjaan kemajuan pula \$11,371,548 juta dengan harga rancangan berjumlah \$295,223,991 juta untuk membiayai kajian sains, teknologi dan inovasi, banci dan kajian sosial ekonomi, sistem pengurusan sumber manusia kerajaan dan lain-lain.

Yang Berhormat Pengerusi. Memandangkan kaola telah menguraikan keutamaan-keutamaan belanjawan termasuklah pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi sepanjang Tahun Kewangan 2021/2022 tempoh hari Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus komited dalam melaksanakan dan mendukung usaha-usaha yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara melalui pendekatan *whole of government*, penglibatan *GLC* dan badan-badan berkanun dan melalui *Foreign Direct Investment*.

Dalam masa yang sama, kaola sukacita mengambil kesempatan di dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama yang diberikan dan kaola penuh percaya dan berharap bahawa projek-projek yang dalam perancangan akan dapat diungkayahkan sebagaimana yang dihasratkan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Sekianlah yang dapat kaola kongsi sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sebelum kaola

menutup sepertimana jua yang lazimnya dibuat pada tahun-tahun yang lalu kaola memohon izin bagi peruntukan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu (*HMSF*) yang disifatkan sebagai jabatan yang tertutup untuk tidak dibincangkan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kenyataan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tentang hala tuju kementeriannya cukup jelas. Sebagaimana yang telah dimaklumi, Ahli-Ahli yang Berhormat Yang Dilantik telah pun berpeluang untuk mengadakan muzakarah dengan kementerian-kementerian yang berkenaan, termasuklah duduk bersama dengan menteri-menteri berkenaan dan membincangkan perkara-perkara secara panjang lebar.

Saya harap perkara-perkara yang sudah dibincangkan bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan itu tidaklah payah dibawa di majlis ini oleh sebab akan memakan masa yang lama.

Walau bagaimanapun, saya sekarang ingin membuka perbincangan bagi Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dengan itu saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

### **Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 أَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ  
 Pengerusi, koala membawakan 6 perkara yang membawa Tajuk SD01A - Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

1. Apakah ada perancangan Negara Brunei Darussalam untuk membuat kajian jawatankuasa bagi rakyat yang di bawah paras sederhana yang memerlukan bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam Brunei. Daripada hasil data kaji selidik itu nanti akan terbit usaha strategi bagi meningkatkan sosioekonomi golongan ini dan akan memacu menaik taraf kehidupan mereka?;
2. Dicadangkan memberikan insentif peruntukan dan geran kepada mana-mana syarikat pelancongan pada jumlah yang ditetapkan, wujudkan pelan tindakan awal setelah dunia lepas daripada *COVID-19* dan industri pelancongan pulih aktif.
3. Dicadangkan supaya dibuat peningkatan Program Subsidi Baja Pertanian khususnya tanaman padi meningkatkan hasil negara, kerana baja adalah satu medium yang penting bagi menambah nilai hasil atau *yield* padi selain mementingkan *hybird variety*.
4. Menyediakan sedikit peruntukan latihan yang komprehensif kepada

yang berminat dengan ekonomi digital.

5. Diharapkan sektor kewangan bekerjasama dengan kerajaan dalam membina masa depan lebih baik bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Bahawa sektor kewangan adalah berfungsi untuk memenuhi keperluan ekonomi, meningkatkan kehidupan dan mata pencarian.

Akhirnya perkhidmatan kewangan harusnya membantu rakyat dan perniagaan mengembangkan perniagaan dan membina daya tahan. Industri kewangan diharapkan pada kedudukan yang terbaik untuk memainkan peranan yang kukuh dalam memimpin transformasi dan perubahan di peringkat industri. Sektor kewangan adalah satu agensi yang boleh membantu kerajaan menjamin pertumbuhan ekonomi rakyat jangka panjang ke arah kemakmuran.

6. Masih terdapat warga asing yang ada atas jaminan syarikat *enterprise* lain tetapi membuat syarikat sendiri berhad, sebelumnya perkara ini terjadi dan masih ada yang seperti demikian. Walaupun syarat sekarang tidak membenarkan pemegang Kad Pengenalan Brunei warna Hijau. Maka harus perkara ini diteliti dan diambil tindakan. Sebahagian tujuan mereka membuat sendiri berhad selepas umur 55 Tahun masih boleh bertahan dan tinggal di Brunei.

Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih juga kepada yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, mengenai 6 soalan yang diajukan tadi. Sebenarnya bukan semua soalan ini terlibat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, walau bagaimanapun Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain sama-sama memikirkan strategi-strategi yang terbaik bagi sama-sama memajukan usaha-usaha bagi setiap kementerian.

1. Mengenai rancangan kajian dari segi bantuan, seperti kita semua fahami bahawa baru-baru ini kita telah melancarkan Sistem kebajikan Negara, iaitu satu contoh Kementerian Kewangan bekerjasama dengan beberapa pihak berkepentingan seperti Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Majlis Ugama Islam Brunei dan juga Yayasan Sultan Haji Hassan al Bolkiah. Ini adalah satu usaha kerjasama menghasilkan Sistem Kebajikan Negara dari mana kita nampak sudah pada masa ini jumlah yang orang memerlukan bantuan dalam sistem itu.
2. Cadangan insentif bagi sektor Pelancongan. Ini bukanlah satu usaha yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Ini mesti Kementerian Kewangan dan Ekonomi



bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Apa strategi dari Kementerian dan Ekonomi berkenaan nanti, ان شاء الله, sama-sama kitani memikiran. Ini bukan sahaja untuk Kementerian Kewangan memikiran sama ada dihulurkan bantuan insentif dan sebagainya.

3. Mengenai dengan baja untuk meningkatkan lagi hasil kitani dalam penanaman padi, pada masa ini memang sudah dibagi subsidi dan sebagainya, bukan baja sahaja tetapi juga termasuk alat-alatan dan sebagainya. Lagipun kaola pernah kongsikan dalam kertas pembentangan tempoh hari mengenai dengan peruntukan disediakan membeli balik padi sejumlah \$ 9.0 juta pada tahun yang akan datang.
4. Mengenai Digital Ekonomi memang perkara ini adalah satu usaha di bawah *Digital Economy Council*, sama-sama memikiran cara memajukan ekonomi digital kitani. Apa yang penting dalam usaha digital ekonomi ini, kita mesti menyediakan infrastruktur yang sesuai, jadi itu usaha *payment gateway* seumpamanya. Dan juga beberapa usaha untuk menyediakan seperti *people-hubs* dan sebagainya.

Ini adalah satu perkara yang penting, bukannya saja bagi negara kitani, jadi di mana-mana pun sepertimana dalam *Deliverable* dalam *ASEAN Chairmanship 2021* kitani utamakan usaha kitani dalam digital ekonomi ini

tapi bukan negara ini sahaja , tapi juga dalam *ASEAN*.

5. Mengenai industri kewangan. Pada masa ini memang kita sudah jauh memajukan industri kewangan. Kalau dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu, kita sudah terdapat bank tempatan, beberapa buah bank tempatan dengan sendirinya dalam setiap bank, di tingkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan sebagai *investment fund* dan sebagainya *insurance* dan seumpamanya. Jadi memang perkara ini memang boleh diteruskan, ان شاء الله, memang satu industri yang penting bagi mana-mana ekonomi.
6. Soalan itu kurang kaola mendengar mengenai yang kaola dengar, orang yang mempunyai kad hijau yang sudah lama menetap di sini yang sudah berumur 55 tahun sama ada diberikan peluang untuk meneruskan menjalankan perniagaan di Brunei. Jika begitu, tidak dinafikan memang banyak orang luar berniaga di dalam negara ini. Jadi apabila sampai masanya, tidak akan selama-lamanya di sini. Kita berikan peluang kepada orang kita. Kita mesti berhati-hati agar mereka tidak selama-lamanya di sini. Jadi mesti berikan peluang kepada orang kitani.

Mudah-mudahan soalan yang diajukan tadi sudah kaola terjawab sebanyak ان شاء الله.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya ingin membangkitkan di bawah Tajuk SD09A, 01002 di bawah Perkhidmatan Rampaian-Sewa dan Lain-Lain Perbelanjaan B00300, Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$115 juta.

Ianya adalah mengenai dengan sewa. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** sehingga kini pihak kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan kepada rakyat terutama sekali kepada penjawat-penjawat awam. Dan ini termasuklah penyewaan-penyewaan rumah kerajaan kepada penjawat-penjawat awam yang berkelayakan.

Dalam usaha kita merealisasikan Wawasan Brunei 2035 kita juga harus peka dengan bidang-bidang utama yang harus ditekankan untuk mencapai semua matlamat- matlamat kita. Di sini saya ingin memfokus kepada Matlamat 2 dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu Kualiti Hidup Yang Tinggi. Dan salah satu hasil pencapaian kebangsaan yang disasarkan ialah untuk mempunyai taraf

hidup yang tinggi di mana salah satu bidang utamanya ialah untuk mempunyai kadar pemilik kediaman yang tinggi.

Dapatkah kitani mencari alternatif lain selain daripada penyewaan sewa rumah-rumah kerajaan ini dalam mencapai bidang utama kita untuk mencapai kadar yang tinggi bagi rakyat yang memiliki kediaman sendiri terutama sekali bagi penjawat-penjawat awam yang berskala gaji Bahagian III ke bawah karena saya percaya mereka ini sangat memerlukan kediaman sendiri.

Sehubungan ini untuk mencari juga mekanisme iaitu mungkin untuk memperkenalkan Skim Sewa Beli Rumah ataupun (*Rent to Own*) dan skim ini membolehkan penyewa untuk memiliki kediaman tersebut setelah tamat tempoh penyewaan dalam jangka masa yang dipersetujui. Ini secara tidak langsung boleh membantu mengurangkan jumlah rakyat yang bergantung kepada giliran untuk memiliki perumahan-perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara.

Secara tidak langsung kita juga dapat mengurangkan perbelanjaan kita untuk pembayaran penyewaan dan digunakan bagi tujuan yang lebih bermanfaat pada penghasilan dan pembangunan negara. Dengan pengurangan ini, **ان شاء الله** bolehlah digunakan untuk melaksanakan pelbagai-pelbagai inisiatif untuk pengukuhan kemajuan dan ekonomi negara dengan lebih dinamik.

Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin meminta pencerahan juga kepada Yang Berhormat Menteri di atas soalan yang

saya ajukan petang kelmarin mengenai dengan defisit yang mana negara kita mengalami *deficit substansive* kebelakangan ini. Saya memahami beberapa strategi sedang dilaksanakan dan usaha-usaha negara yang tidak putus-putus dalam melaksanakan strategi-stretegi tersebut. Namun melihat kepada keperluan dan kepentingan negara untuk bertindak dan mencapai kepada kemampanan atau *sustainability*.

Apakah pilihan lain yang kita ada dan bagaimana negara hendak mengatasi isu defisit jangka panjang ini? Negara juga telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak yang boleh tetapi kita juga tidak harus menggunakan simpanan negara (*reserve fund*) secara berterusan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada dua soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Pertama, mengenai dengan perbelanjaan di dalam Rampaian Sewa \$115 juta, mengenai dengan mengalakkan supaya kakitangan perkhidmatan awam meningkatkan lagi pemilikan rumah dan sebagainya. Ini memang satu cadangan yang bagus, bukan perkara baru, memang sejak dulu kitani menggalakkan orang ramai tidak

semestinya bekerja dengan kerajaan mahupun di pihak swasta untuk membangun rumah sendiri lebih awal. Jangan menunggu pencen. Perkara ini difikirkan oleh Jawatankuasa Fokus Perumahan di bawah Kementerian Pembangunan. Itulah jawapan kaola bagi soalan ini.

Yang kedua, mengenai dengan usaha-usaha kitani cuba mengurangkan defisit atau ada cara-cara untuk mengurangkan defisit pada masa hadapan. Memang seperti yang kaola pernah bentangkan dari beberapa tahun sudah, usaha-usaha kitani dengan tema yang kitani cadangkan hari itu, iaitu melihat kepada *investment in our future*. Apa yang penting, apa yang dibelanjakan adalah menghasilkan manfaat kepada masa hadapan.

Setakat ini beberapa projek-projek telah pun dilaksanakan bagi tujuan untuk meningkatkan produktiviti-produktiviti. Dan kedua juga, mengurangkan perbelanjaan kerajaan pada masa yang akan datang. Soalan ini lebih kurang seperti yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong tempoh hari mengenai dengan projek-projek yang *value for money*.

Kalau kaola boleh secara ringkas mengongsikan beberapa projek-projek yang kita laksanakan untuk sama-sama meningkatkan produktiviti dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan seperti melaksanakan projek *Facility Management* atas aset-aset di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang mana telah menggantikan *conventional*

*contract* bagi kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan institusi-institusi pendidikan rendah dan menengah yang telah berjalan pada tahun 2020 dengan penjimatan \$6.8 juta.

Begitu juga bagi beberapa projek seperti penubuhan Syarikat Muara Maritime Services Sendirian Berhad. Iaitu sebuah syarikat usahasama di antara Darussalam Asset Sendirian Berhad dan Lürssen Internaval GmbH (Lürssen) dari Germany sebagai penyedia perkhidmatan dengan kepakaran dalam pemeliharaan, pembaikan, baik pulih kapal. Syarikat MMS ini sedang giat dalam usaha menambah baik dan mengembangkan inovasi yang akan mempromosikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan perkhidmatan nilai tambahan kepada pelanggannya, masa terkini dan yang akan datang.

Setakat bulan September 2020, Syarikat MMS mempunyai sebanyak 250 orang kakitangan, dalam mana 230 orang adalah anak-anak tempatan dan 41 orang kakitangan di bawah skim *i-Ready*. Projek-projek lain rasanya tidak perlu kaola terangkan secara mendalam.

Tetapi sesuai barangkali kaola menamakan sahaja beberapa projek seperti Projek *Scan It* di bawah Kementerian Pertahanan, pelaksanaan *One Common Billing System* yang berhasrat untuk memudahkan pemantauan dan pembayaran bil-bil kerajaan.

Juga pelancaran Sistem Pengurusan Sumber Manusia dan juga beberapa projek dilaksanakan bersama *Government Linked Companies* antaranya pembekalan ubat-ubatan dan sebagainya dan juga beberapa projek PPP (*Public Private Partnership*) yang sedang dirancang pada masa ini.

Apa yang penting seperti yang kaola sudah kongsi ataupun sarankan dalam kertas pembentangan kaola tempoh hari kalau dapat kaola ulangi sekali lagi. Kaola menyeru agar sektor awam dan sektor swasta untuk terus berganding bahu dalam meningkatkan lagi usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi, meningkatkan lagi pelaksanaan projek melalui *Public Private Partnership* dan meningkatkan lagi usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing agar dapat meningkatkan produktiviti negara dan membukakan lebih banyak peluang-peluang perkerjaan bagi anak-anak tempatan.

Usaha-usaha ini adalah penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan demi kedayatahan fiskal negara agar kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati pada masa ini akan berterusan dan dapat dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang. Itu sahaja jawapan kaola bagi soalan yang diajukan tadi.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

dan Ekonomi II. Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi  
تَقَبَّلُوا مِنِّي بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَبِرَكَاتِهِ  
dan salam sejahtera.

Kaola bertanya di bawah Tajuk SA01A Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah tentang Skim Tabung Amanah Pekerja. Saya imbas kembali sedikit kepada titah Baginda.

"...Sedikit mengenai isu Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), ان شاء الله Beta mengambil maklum bahawa kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023...".

Soalan kaola apakah cadangan perubahan yang dapat dikongsikan secara awal untuk skim tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Dayang Nik

Hafimi binti Abdul Haadii atas soalan yang diajukan mengenai dengan Skim Persaraan yang baharu yang akan dilancarkan pada tahun 2023.

Sebelum ini kaola juga ikut merujuk dan menjunjung kasih di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara 2022 pada hari Khamis 24 haribulan Februari 2022 khususnya mengenai kajian penambahbaikan Skim TAP dan SCP. Perkara ini juga dibangkitkan dalam oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di dalam Usul Menjunjung Kasih masing-masing.

Pada peringkat ini, apa yang dapat dimaklumkan adalah objektif skim baharu ini adalah untuk mengukuhkan lagi kesejahteraan sosial para Ahli TAP semasa persaraan mereka dan mengambil kira beberapa faktor seperti pendapatan yang akan ahli-ahli terima semasa persaraan, *income refreshment ratis*, inflasi semasa, menggalakkan produktiviti ahli-ahli TAP, menggalakkan perkerjaan dan juga berdayatahanan dan kerangkuman atau *inclusivity*.

Itulah beberapa faktor yang diambil kira dalam Skim TAP yang baharu yang dapat kaola kongsikan. Jadi beberapa tindakan lanjut adalah dalam pelaksanaan termasuk penyediaan dan pindaan akta-akta yang berkenaan dan penambahbaikan sistem IT terutama TAP bagi memastikan pelaksanaan skim

baharu ini dapat dilaksanakan dengan lancarnya.

Setelah semua tindakan-tindakan yang berkenaan selesai dilaksanakan nanti struktur terperinci skim terbaharu ini akan dikongsi dengan pekerja-pekerja Ahli-Ahli TAP dan majikan-majikan seterusnya. Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Kaola ada 3 perkara yang ingin untuk dibawa di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi di bawah Tajuk SD01A – SD09A Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Kaola tidak perlu jawapan pada hari ini mungkin perkara ini perlu membuat kajian dan masa.

1. Mengenai pengauditan ke atas syarikat-syarikat yang tidak lagi aktif. Apa yang dimaksudkan syarikat-syarikat yang tidak aktif yang tidak menjalankan berpuluh tahun, ada yang sudah meninggal dan tidak mempunyai *bank account*, tidak ada menyimpan rekod. Pihak akauntan juga yang bertauliah seperti yang dikehendaki juga memerlukan bayaran yang tinggi. Pengusaha-pengusaha mengharapkan belas

kasihan dan pertimbangan sewajarnya kerana tindakan dengan membawa ke mahkamah di rasa bukanlah jalan yang terbaik dan ditakuti ke arah *bankruptcy*;

2. Mengenai dengan pinjaman perumahan dan perkhidmatan awam. Pertama sekali ucapkan ribuan terima kasih di atas bantuan kementerian yang mana pinjaman perumahan bagi perkhidmatan awam bukan sahaja untuk memberikan pinjaman malahan telah pun memberikan kebenaran untuk membeli tanah dan rumah. Apa yang dilihat ketika ini, *developer* tidak berminat untuk menjual rumah kepada perkhidmatan awam disebabkan rumit dan memakan masa untuk memprosesnya. Maka dipohonkan untuk membuat kajian yang terperinci agar *developer* berminat menjual kepada pada perkhidmatan awam;
3. Kalau difahami beras adalah komoditi terkawal. Ada pengusaha-pengusaha berminat untuk mengimport beras jenis seperi beras basmati, beras poni, beras dari Australia dan lain-lain dan mereka menjualnya juga bukannya subsidi, malahan mahal daripada apa yang dijual yang disubsidi oleh kerajaan. Tapi peminatnya masih banyak yang memerlukannya. Pada masa ini, hanya diberikan premit dalam 10 sen daripada jumlah pembelian beras daripada setiap stor.

Adakah perancangan untuk memberikan peluang dengan menambah kouta atau membukanya

luas kepada pengimport-pengimport.  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Ada 3 soalan kaola akan cuba menjawab.

Pertama, mengenai dengan syarikat yang tidak lagi aktif tetapi masih lagi memerlukan untuk membuat audit berbelanja yang tinggi. Sebenarnya ini satu peraturan kalau sekiranya ada satu syarikat yang didaftar di bawah sendirian berhad mestilah diadakan audit tahunan. Kalau syarikat itu berpuluhan tidak aktif, mereka ini boleh memohon kepada ROCBN untuk dibatalkan pendaftaran. Jika tidak aktif tidak perlu ditahan-tahan dan bertahun-tahun.

Tapi kalau sekiranya ia masih lagi memerlukan jadi pengauditan tidak semestinya secara komprehensif, jadi kalau ia tidak aktif memang senangnya diaudit tapi kalau pendaftaran itu masih lagi ada arah CBN itu satu peraturan mesti diadakan. Ini mesti kitani adil kepada semua syarikat yang di bawah sendirian berhad.

Soalan yang kedua, pinjaman rumah. Prosesnya panjang. Perkara ini bolehlah nanti ان شاء الله Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan meneliti sama ada benarkah panjang, apa sebabnya panjang, kitani dalam dewan ini mungkin

tidak dapat disenaraikan apa sebab-sebabnya. ان شاء الله akan direview lagi.

Yang ketiga dengan beras yang diimport oleh syarikat-syarikat sendiri tidak bersubsidi. Permit ganya diberikan sedikit sahaja. Kitani mengimport beras ini memang satu makanan asasi bagi orang ramai. Jadi walau kitani akan *order*, memang dulu pernah dicuba sudah oleh pihak swasta mengimport tapi usaha itu nampaknya tidak berapa sesuaih.

Jadi dibalik semula kerajaan mengimport semua beras ini dengan *volume* yang kerajaan import ini mudah-mudahan harganya lebih kompetitif. Kalau pihak swasta akan import itu dorang punya jenis beras itu memang lain daripada yang selalunya diimport oleh kerajaan, itu mana sahaja mereka punya pilihan. Jadi itu pilihan peribadilah, yang janji kerajaan mengimport apa yang diperlukan oleh orang ramai, itu sahaja, *basic responsibility* yang *offer* oleh kerajaan. Itu yang pilihan lain yang lebih canggih beras itu, itu tertakluk kepada pihak swasta sendirilah tu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola bercakap mengenai dengan Kod 001/000 iaitu Pembangunan Sumber Tenaga

Manusia dan Hal Ehwal Korporat dengan jumlah keseluruhan Anggaran Perbelanjaan 2022/2023 iaitu \$20,494,43 iaitu berkaitan dengan permintaan masyarakat terhadap perkhidmatan di hujung jari yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dalam Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Revolusi kecanggihan penggunaan gadget serta aplikasi dengan teknologi maklumat dan komunikasi telah banyak mempengaruhi hidup masyarakat menjadi satu element baharu dalam memudahkan berbagai urusan yang mahukan semua perkhidmatan berada di hujung jari yang melangkaui dunia tanpa sempadan.

Soalan kaola, menyedari betapa pentingnya kehendak masyarakat yang tidak gemar berkunjung menjumpai pegawai atau untuk mengisi dokumen membuat bayaran dan mengambil bayaran di jabatan-jabatan berkenaan, jadi apakah jenis-jenis perkhidmatan secara talian yang sekarang ini nampaknya sangat berkesan atau mendapat respons yang paling tinggi dari masyarakat, kerana suasana *COVID-19* memberi kesan dan mempengaruhi cara orang berinteraksi dan bekerjasama.

Manakala itu kerajaan dan perniagaan telah menyesuaikan diri untuk bekerja dari jarak jauh dan mengintegrasikan teknologi maklumat untuk membolehkan mereka menjalankan operasi mereka secara maya termasuk juga mungkin jabatan-jabatan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalnya mengenai dengan permintaan masyarakat perkhidmatan di hujung jari, teknologi maklumat. Apakah jenis perkhidmatan secara talian yang sangat berkesan mendapat respons yang tinggi di masyarakat kerana kesan dari *COVID-19*.

Pada masa ini kitani hadapi *COVID-19* memang banyak cabaran-cabaran yang kitani hadapi. Dari segi macam mana kitani dapat terus menghulurkan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai. Bukan sahaja di Kementerian Kewangan dan Ekonomi tetapi juga di beberapa kementerian.

Mengenai dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi ada beberapa inisiatif kitani dapat teruskan diberikan perkhidmatan kepada orang ramai seperti yang orang ramai akan *submit invoice* dan sebagainya untuk pembayaran dari *treasury* kitani memang di waktu *COVID-19* memudahkan orang ramai supaya dorang dapat *upload* sahaja invois melalui *online* sahaja, tidak perlu datang sendiri.

Jadi dengan respons yang seperti biasa cepat bukannya ada *delay*. Jadi yang perbelanjaan dalam teknologi maklumat ini, ini satu hala tuju yang penting bukan sahaja bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi tetapi bagi mana-mana kementerian, jadi Kementerian Kewangan dan Ekonomi bekerjasama



dengan beberapa kementerian. Sama-sama mencari jalan supaya dapat kitani *digitalization*.

Satu projek yang kaola sudah kongsi tadi adalah *One Common Billing System*. Satu sistem yang semua kementerian dapat menggunakan sistem ini. Bukannya sahaja setiap kementerian masing-masing membuat sistem sendiri. Ini satu *Common Billing System* yang digunakan oleh semua kementerian.

Satu lagi projek yang penting adalah sistem pengurusan sumber manusia. Ini bukannya sahaja kitani *manage payroll* dan sebagainya. Pada masa ini sudah kitani pakai *online* tapi jua cara kitani menguruskan cuti, elaun, pembayaran elaun dan sebagainya.

So, inilah beberapa projek yang Kementerian Kewangan dan Ekonomi bekerjasama dengan beberapa kementerian lain untuk memudahkan supaya kitani lebih maju dalam usaha kitani menghadap kepada *digitalization*. Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi yang kaola dapat kongsi.

Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola/saya merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Peraturan Kewangan dimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan pindaan ke atas Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan) 2022 dan Peraturan-Peraturan Kewangan 2022 yang akan bermula berkuat kuasa pada 1 haribulan April 2022.

Tajuk SD01A. Di sini saya ingin pencerahan tentang *Financial Regulation* yang baharu. Dari segi apakah ianya berbeza dengan *FR* pada masa ini dan apa yang dapat diharapkan. Saya juga ingin mengambil kira isu *transparency* dan pelanggaran *FRGO* dan diharap pindaan ini akan dapat juga mengurangkan atau mengelakkan penyelewengan di dalam pentadbiran urusan kerajaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari. Ini satu soal yang bagus jadi untuk menjawab soal ini, kaola ingin mengongsi antara lain pengemaskinian ini dibuat adalah mengambil kira beberapa perkara seperti berikut: Sebelum ini tahun terakhir Peraturan Kewangan 1983 ini diubah adalah pada tahun 1983 iaitu 38 tahun yang lalu, jadi perlulah dikemaskan dan menetapkan lagi peraturan-peraturan dalam Peraturan Kewangan 1983 ini supaya ianya lebih sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa dan jua terdapat beberapa peraturan dan proses

dalam Peraturan Kewangan 1983 itu sudah tidak lagi relevan dan *obsolete* mengambil kira pada masa ini sudah ada proses dengan menggunakan IT supaya dapat digunakan untuk proses pembayaran dan sebagainya.

Perlulah di ambil kira apa yang *obsolete* perlulah diubah secara ringkas perubahan kepada Peraturan Kewangan 1983 adalah untuk mengemaskan Peraturan-Peraturan di dalam 2 dokumen iaitu seperti:

- i) Teks utama yang hanya mengandungi dasar utama Peraturan-Peraturan Kewangan bagi Kerajaan;
- ii) Menyediakan garis panduan mengikut topik-topik yang dimuatkan di dalam teks utama termasuk tata cara dan maklumat secara terperinci. Peraturan kewangan 2022 lebih ringkas dan padat dan mudah untuk difahami. Manakala garis panduan mengikut topik-topik menggariskan dengan terperinci, tata cara, prosedur mengikut keadaan semasa seperti penggunaan *IT*. Garis panduan ini adalah diklasifikasikan memang teliti dari masa ke semasa mengikut keperluan semasa, Dan kalau dibandingkan apa perbezaannya, seumpamanya format dilihat di Peraturan Kewangan 1983 itu terlalu komprehensif dan tidak mudah difahami. Jadi kita usai format ini supaya ianya lebih ringkas, padat dan mudah difahami. Satu yang penting mengenai dengan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal dan Pegawai Perkiraan. Jadi kalau

dilihat di Peraturan Kewangan 2022 ianya dinyatakan secara terperinci tugas dan tanggungjawab bagi pegawai pengawal dan pegawai perkiraan. Tetapi kalau di lihat Peraturan Kewangan 1983, tugas dan tanggungjawab tidak dinyatakan dengan jelas dan terdapat di beberapa bahagian tidak dterangkan. Jadi itulah satu *shortcoming* Peraturan Kewangan yang dahulu.

Satu jua kaedah-kaedah kutipan hasil dan pembayaran wang kerajaan yang mana peraturan baharu ini mengambil kira kaedah kutipan hasil dan pembayaran secara elektronik. Memang Peraturan Kewangan 1983 tidak mengambil kira kaedah atuloh secara elektroniklah pada masa zaman dulu. Dan jua beberapa isu-isu seperti takrifan Pegawai Pengawal, Peraturan Kewangan 1983 tidak menyatakan dan sekarang dimasukkan. Beberapa perkara lain seperti waran, hasil, penyimpanan barang-barang stor, *annual account* seperti seumpamanya.

*Annual account* kita menyatakan mesti disediakan tapi di Peraturan Kewangan 1983 tidak dinyatakan. Apa yang penting dalam perubahan Peraturan Kewangan ini ianya senang difahami oleh Pegawai Pengawal, pegawai dan kakitangan yang diamanahkan untuk menguruskan wang negara maka akan dapat meningkatkan lagi pemantauan kepada peraturan-peraturan dan garis panduan kewangan dan secara langsungnya dapat mengukuhkan lagi pengurusan kewangan kerajaan bagi mengelakkan

dan dari kesalahan penggunaan wang kerajaan Jabatan Perbandaharaan akan membuat pemberigaan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan pada bulan Mac 2022 bagi membolehkan ianya dilaksanakan bermula 01 haribulan April 2022. Terima kasih Yang Berhormat Pehin pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kaola sukacita jua untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dalam seminit dua, kaola sukacita untuk bercakap dalam perkara SD01A Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam perkara ini kaola ingin membangkitkan mengenai dengan terdapat projek -projek iaitu membayar projek kebelakangan yang tertunggak ataupun ada masalah kerosakan dalam atau luar bangunan kerajaan ataupun masalah-masalah kerosakan yang lama yang terbiar yang patut di baiki dengan mendapatkan peruntukan-peruntukan. Tetapi dalam perkara ini, apabila peruntukan belanjawan tahun kewangan diluluskan, projek-projek kebelakangan yang tertunggak dan belum bebayar mahupun kerosakan-kerosakan yang terbiar ini, menggunakan peruntukan belanjawan tahunan yang sudah ada perancangan. Jadi kewangan yang telah digunakan itu terjejas kerana membayar yang tertunggak.

Jadi adalah lebih baik cadangan kaola supaya akan memohonkan peruntukan-peruntukan pembayaran yang tertunggak dalam peruntukan belanjawan tahun yang akan datang. Supaya pembayaran kebelakangan yang tertunggak tidak akan mendatangkan masalah di masa akan datang. Jadi ertinya tidak lagi timbul apabila ditanyakan kepada jabatan-jabatan berkenaan mengapa ini belum bebuat, mengapa terbiar. Jadi perkara alasan tidak ada bajet, tidak akan timbul lagi. Jika sekiranya akan dipohonkan permohonan khas untuk perkara-perkara yang kaola sebutkan itu. Jadi tidak balik-balik dan tidak terganggu jua peruntukan tahunan. Jadi bagaimana perkara ini dapat diatasi.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima Kasih. والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Abdul Hamid mengenai denagn pembayaran kebelakangan yang belum terbayar ataupun binasa. Memang setiap tahun dalam proses menyediakan peruntukan bagi tahun kewangan yang akan datang setiap kementerian memang ada rancangan untuk projek baharu, kerja yang akan dibuat, jadi peruntukan disediakan.

Boleh memasukkan pembayaran yang belum selesai. Itu boleh dipohonkan dalam peruntukan kewangan yang akan datang. Jadi ia tertakluk kepada setiap

kementerian masing-masing memasukkan pembayaran yang belum lagi dijelaskan tidak semestinya peruntukan yang disediakan untuk masa tahun kewangan yang akan datang khas untuk projek baharu sahaja. Boleh termasuk juga pembayaran yang belum selesai dimasukkan dalam peruntukan dalam tahun kewangan yang akan datang. Seperti contoh dari RKN dan seumpamanya kita ada menyediakan tanggungan-tanggungan yang belum dibayar, memang dimasukkan dalam RKN. Bajet tahun kewangan bagi kementerian-kementerian lain memang dimasukkan tetapi sekiranya ada yang belum cukup, terpaksa mereka pohon lagi. Tertakluk kepada setiap kementerian sewaktu kita menyediakan peruntukan bagi tahun kewangan yang akan datang.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah sudah kita berbincang mengenai dengan Jadual Kementerian Kewangan dan Ekonomi II dan saya sekarang ingin mengundi. Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Jadual ini kita luluskan, sila angkat tangan.

**(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Semuanya bersetuju.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Kementerian Kewangan dan Ekonomi II iaitu Tajuk SD01A hingga SD09A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga SE12A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa sekarang beralih kepada Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebelum tajuk-tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, saya sekarang ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan penjelasan dan keterangannya tentang penyediaan belanjawan bagi kementerian yang berkenaan ini. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola lebih dahulu sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola menyampaikan mukadimah bagi memandu perbincangan Anggaran Peruntukan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

اَللّٰهُمَّ kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita terlebih dahulu menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperuntukkan anggaran perbelanjaan sejumlah \$128,343,070.00 bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Selaras dengan tema belanjawan iaitu Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya, ان شاء الله dengan sumber yang diperuntukkan akan terus menumpukan apa jua rancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang selaras dengan tema tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam keadaan negara dan dunia masih berhadapan dengan *COVID-19*, ia mengharuskan kementerian untuk membuat perubahan dari segi inisiatif, dasar, akta dan perundangan termasuklah pendekatan secara konsisten dan berterusan, penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan kementerian dan jabatan-jabatan dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Pada mendukung aspirasi negara iaitu *Smart Nation* dan revolusi industri

4.0, perubahan-perubahan yang dilaksanakan adalah bertepatan bagi mengharungi cabaran-cabaran daripada pandemik *COVID-19*.

Berdasarkan tema dan fokus utama Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2021/2022, inisiatif-inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah seperti berikut:

- a. Bagi memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan berterusan meningkatkan tahap perkhidmatan kepada orang ramai dalam berbagai perkhidmatan. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah dalam fasa terakhir pelaksanaan sistem *INRS-Immigration and National Registration System* yang bertujuan mengumpul dan mengintegrasikan maklumat peribadi individu secara komprehensif termasuk data biometrik. Ini juga akan membolehkan perkongsian sumber data maklumat di antara agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan. Dalam hubungan itu, ان شاء الله Sistem Pengawasan Sempadan atau *Border Control System (BCS)* di bawah sistem *Immigration and National Registration (INRS)* akan mula digunakan pada bulan April 2022 ini.

Ianya akan mula diguna pakai di Lapangan Terbang Antarabangsa yang bertujuan untuk memeriksa setiap pelawat yang masuk dan keluar dari negara ini dengan

menggunakan sistem biometrik iaitu dengan membuat pengesanan cap jari dan gambar wajah (*facial recognition*). Melalui kaedah ini juga, ianya akan dapat membantu mengesan rekod *demographic* pelawat serta mengesan pelawat yang tidak dikehendaki di negara ini dengan lebih berkesan. Sistem Pengawasan Sempadan ini nanti akan dilaratkan kepada semua pos-pos kawalan secara berfasa.

- b. Di samping itu, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan terus meneliti dan menyelaraskan prosedur dan peraturan dari semasa ke semasa. Ini termasuklah pengemaskinian dan penguatkuasaan Perintah Pekerjaan 2009 dan akta atau peraturan imigresen melalui tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan secara berterusan dan konsisten secara bersendirian mahupun bersepadu dengan agensi-agensi berkenaan serta bantuan orang ramai dan pemimpin akar umbi. Dengan ini, ianya akan dapat memastikan kawalan dari segi kemasukan warga asing atau pekerja asing dan juga pada menjaga kesejahteraan terhadap pekerja-pekerja sentiasa dipelihara dan dilindungi dan seterusnya mengambil tindakan ke atas pesalah-pesalah yang melanggar undang-undang perburuhan dan imigresen.
- c. Jabatan Bomba dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) pula berperanan ke arah

mewujudkan masyarakat yang sentiasa siap siaga atau *emergency and disaster ready*. Ke arah itu, langkah-langkah bagi meningkatkan kapasiti iaitu dari segi logistik dan pembangunan kompetensi masyarakat melalui perbekalan keperluan logistik dan program-program pembangunan kompetensi masyarakat adalah dilaksanakan secara berterusan agar mencapai objektif bagi memupuk budaya siap siaga dan menjadikan masyarakat yang berdaya tahan.

Program yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat telah melahirkan seramai 48 orang warga masyarakat berjasa pada tahun 2021. Sehingga ini terbukti, kampung-kampung yang mempunyai sukarelawan bomba yang terlatih telah dapat membantu memadamkan kebakaran kecil sebelum pasukan bomba datang ke tempat kejadian.

Selain itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat juga telah mula melaksanakan denda kompaun bagi jenis-jenis kesalahan di bawah Perintah Kesalahan Kebakaran 2016 dikenali sebagai *Fire Safety Order, 2016 (FSO,2016)* sejak bulan Ogos 2021. Ianya diharap akan memastikan pencegahan dan pengurangan risiko berlakunya sebarang insiden kebakaran dan juga memastikan pemilik dan penyewa premis terutama sekali sektor perniagaan, mematuhi Peraturan Keselamatan Kebakaran.

Pada tahun 2021, sebanyak 142 kebakaran dicatatkan termasuk 58 buah rumah dengan jumlah kerugian sebanyak \$973,000. Walau bagaimanapun, dari jumlah ini hanya 2.9% rumah-rumah ini sahaja yang mempunyai perlindungan insurans.

Dalam kita menghadapi ancaman pandemik *COVID-19*, kita juga menghadapi cabaran dan perubahan iklim. Kita telah menghadapi beberapa jenis bencana iaitu banjir, tanah susur, pokok tumbang dan angin kencang. Berdasarkan kejadian ini dan pengalaman menghadapi berbagai kejadian bencana alam, kita perlu meningkatkan sikap siap siaga dan waspada pada setiap masa.

Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan telah membuat penelitian dan pengemaskinian semula terhadap deraf Rangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana (*Disaster Management Strategic Policy Framework*) dan dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Program-program keutamaan di dalam dasar ini dibentuk untuk mempromosikan keselamatan, kedayatahan dan kemakmuran ekonomi dan alam sekitar melalui pendekatan *whole of nation* dalam melindungi kesejahteraan masyarakat melalui 7 program keutamaan yang mengandungi objektif-objektif selaras dengan sasaran Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam usaha kementerian ini bagi memantapkan perpaduan masyarakat, jabatan-jabatan daerah secara berterusan melaksanakan tindakan bersesuaian bagi mengukuhkan institusi mukim dan kampung. Usaha-usaha ini termasuklah pertama Projek *Rezoning* Mukim dan Kampung. Projek ini telah pun dilaksanakan bagi kawasan-kawasan di Kampung Ayer dan juga bagi mukim dan kampung di kawasan darat secara berperingkat-peringkat.

Sebahagian besar jawatan penghulu mukim dan ketua kampung, yang terlibat dalam projek *rezoning* adalah dalam proses pengisian. Manakala bagi kawasan yang masih memerlukan perubahan sempadan, perkara ini adalah dalam proses penyelerasan bersama agensi yang berkepentingan, sesuai dengan tujuan *rezoning*, maka ianya akan dapat membantu penghulu mukim dan ketua kampung meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran mukim-mukim dan kampung-kampung dengan jumlah penduduk yang bersesuaian.

Kedua, kedudukan negara yang berhadapan dengan *COVID-19* sehingga masa ini, telah menjejaskan sedikit rancangan pengisian jawatan penghulu mukim dan ketua kampung. Dari itu, aplikasi e-Undi yang telah dilancarkan pada 2 Oktober 2021, bertujuan sebagai tambahan bagi kaedah pengundian yang sedia ada yang boleh membantu proses pengundian dan pemilihan calon

penghulu dan ketua kampung berjalan lancar.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ dengan adanya aplikasi ini, di samping memudahkan cara mengundi secara *online*. Aplikasi ini juga menyediakan maklumat dan keterangan serta manifesto calon-calon penghulu mukim dan ketua kampung yang setentunya memudahkan penduduk mukim dan kampung, mengenali calon pemimpin masing-masing.

Aplikasi yang mula dilaksanakan pada bulan Disember 2021 ini, jelas memberi impak positif yang ketara iaitu dengan meningkatnya penyertaan pengundi dari kalangan belia yang mengundi melalui sistem e-Undi iaitu dari 30% belia mengundi menggunakan kertas undi kepada 54% dengan e-Undi. Kita percaya bilangan ini akan meningkat dari masa ke semasa.

Berasaskan data yang ada, kita juga bersyukur bahawa dari seramai calon penghulu mukim dan ketua kampung, yang telah dipilih. Calon-calon yang telah diperakukan untuk pemilihan dan calon-calon dalam proses untuk diperakukan, terdapat 73% adalah mereka yang berumur di bawah 50 tahun. Dari segi kelayakan akademik pula, seramai 38 orang adalah graduan daripada institusi pengajian tinggi.

Dengan adanya peningkatan profil calon-calon ini, di harap penghulu mukim dan kampung berkenaan akan dapat menerajui kepimpinan sebuah mukim atau kampung dengan lebih berwibawa dan berusaha untuk memajukan

sosioekonomi mukim dan kampung, di samping berusaha untuk memupuk dan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan memedulikan hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan anak buah mukim dan kampung.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di dalam usaha kementerian memangkin sosioekonomi, Lembaga Bandaran dan jabatan-jabatan daerah terus berusaha bagi meneroka rancangan-rancangan yang boleh membantu dan memberikan peluang kepada peniaga-peniaga Mikro, Kecil dan Sederhana mendapat mata pencarian melalui aktiviti perniagaan.

Di samping melaksanakan rancangan menyediakan tempat-tempat berniaga yang sudah dikeluarkan *request for proposal*, beberapa tempat lain juga sudah dikenal pasti untuk di majukan. Sektor perekonomian di peringkat mukim dan kampung agak terkesan sejak penularan *COVID-19*, ianya dapat dilihat dengan menurunnya pendapatan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) daripada \$800,000 pada tahun 2019 kepada \$710,000 pada tahun 2020 dan \$556,842 pada tahun 2021.

Namun, pendapatan purata 19 orang pengusaha yang terlibat dalam Projek Transformasi 1K1P dalam tahun 2021, telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak dan melebihi 106% sehingga ada yang memperolehi pendapatan sebanyak \$5,000 hingga \$7,000 sebulan. Kita bersyukur dan berbangga kerana sebahagian dari



mereka telah membuat pendekatan berani dan dengan bijak menukar cabaran-cabaran *COVID-19*, kepada peluang. Dari itu, kita secara konsisten akan mengorak langkah bersama rakan-rakan strategik bagi meningkatkan lagi kemajuan produk-produk kampung dengan harapan bagi menembusi pasaran serantau, ان شاء الله

Selain daripada menyediakan prasarana bagi memangkin sosioekonomi, kementerian ini juga akan memberikan fokus kepada tunggakan cukai bangunan yang tinggi dan meningkat dari tahun ke setahun. Kementerian ini akan melaksanakan tindakan yang lebih berkesan dalam mengurangkan dan mengelakkan tunggakan. Di samping meneruskan inisiatif-inisiatif yang sudah dilaksanakan sebelum ini, kementerian ini akan berusaha meningkatkan dan memperkesakan lagi tindakan bagi membuat tuntutan melalui prosedur mahkamah.

Kementerian ini juga di dalam perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk mempersyaratkan bagi pembayaran cukai bangunan dilunaskan terlebih dahulu sebelum beberapa jenis permohonan diluluskan. Di dalam pada itu, kementerian ini juga sedang dalam peringkat pelaksanaan Projek *Municipal Property Database (EP-TAX)* di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke 11 iaitu bagi mengadakan satu sistem *database* bagi maklumat hartanah-hartanah di kawasan perbandaran dan seterusnya membolehkan pemilik-pemilik hartanah

membayar cukai bangunan secara *online* melalui sistem berkenaan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berdasarkan peruntukan dan inisiatif-inisiatif yang telah pun dibentangkan, dan mengambil kira suasana persekitaran yang sentiasa berubah selaras dengan kehendak dan keperluan semasa maka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya, akan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan yang tinggi dan menjana ekonomi yang maju serta berdaya tahan dan dapat dinikmati oleh generasi kini dan akan datang dan seterusnya, merealisasikan matlamat negara khususnya dalam menyediakan Wawasan Negara 2035.

Sekianlah sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, yang telah memberikan mukadimahnyanya mengenai penyediaan belanjawan bagi kementerian berkenaan.

Sekarang, saya bukakan perbincangan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terus saja kepada persoalan saya.

Ingin menyentuh mengenai Tajuk SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dua perkara di sini:

1. Saya ingin memohon penjelasan mengenai perkara yang disampaikan pada tahun 2017 iaitu Program Integrasi Perkhidmatan *EMAS (Emergency Medical Ambulance Services)* bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat akan keberkesannya dan adakah ia dijalankan?; dan
2. Saya juga ingin mencadangkan sebuah *centralised national hotline number* bagi talian-talian kecemasan untuk kegunaan orang awam. Manfaat perkara ini mengurangkan masa yang digunakan daripada menghubungi satu-persatu. *Modelity* sudah ada iaitu talian Darussalam 123, bagi *non-essential services* kitani. Setentunya kebbaikannya adalah penyelarasan dan *whole of government approach* di antara perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Polis Diraja Brunei serta ambulans. Menyampaikan maklum balas daripada orang ramai iaitu sekiranya terlibat dalam sebuah kemalangan kereta di lebuhraya dan ada kecederaan. Contohnya, orang ramai boleh keliru mana satukah ditelefon

atau dihubungi terlebih dahulu di antara ketiga-tiganya dan sering terjadi pihak keselamatan yang datang pula bertanya, sudahkah dihubungi yang lain?

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Iswandy.

1. Mengenai perkhidmatan *Emergency Medical Ambulance Services (EMAS)*, yang bermula pada tahun 2017. Perkhidmatan ini masih lagi berjalan, dan apa yang berlaku pada waktu itu, satu peningkatan ialah kita menggabungkan perkhidmatan ambulans di balai-balai bomba dan kita mempunyai lebih 25 buah balai bomba, dan boleh di sana diletakkan juga ambulans. Apabila berlaku kecemasan pada masa ini, kedua-dua pihak beroperasi di tempat yang sama. Apabila berlaku suatu panggilan, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, kemalangan kereta misalnya jadi kedua-dua pihak tersebut terus berjalan menuju ke tempat kejadian. Ini dapat dilakukan secara bersepadu.
2. Mengenai rancangan talian-talian kecemasan untuk disatukan, perkara ini sedang dalam penilaian pada masa ini. ان شاء الله ia akan diteruskan dan kitani akan mengongsikan

dengan orang ramai apabila ia sudah di tahap-tahap pencapaiannya nanti.

Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Pehin. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kaola membawa 2 Tajuk sahaja:

1. Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dicadangkan dalam memperkasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, di era mendatang dengan penjawat Ketua Kampung dan Penghulu sebagai pemimpin akar umbi daripada individu muda. Dicadangkan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melantik konsultan profesional membuat pelan strategi dan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan kemajuan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, dipohonkan *grant* atau peruntukan khas kepada setiap Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sekurang-kurangnya bernilai \$20,000.00 setahun. Ini kerana

peratus pencapaian kebangsaan MPK memajukan 1K1P masih rendah. Diharapkan peruntukan ini akan mampu memperkasa Projek 1K1P. Ini pun kalau belum ada perancangan yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan

2. Tajuk SE05A – Jabatan Buruh. Dicadangkan supaya umur pekerja asing dibenarkan di sektor-sektor tertentu diberikan sekatan kepada umur 30 tahun ke atas kerana apa yang dilihat belia muda asing mengisi jawatan-jawatan seperti juruwang, *salesman*, pelayan kedai kain dan lain-lain. Sekatan ini sebagai *levy* umur untuk menjadikan peluang Belia Brunei lebih luas dalam sektor-sektor tertentu.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin.

1. Cadangan bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini membuat peta jalannya, pelan strateginya. Mengenai peruntukan-peruntukan bagi memperkasa 1K1P, ini memang pada masa ini berjalan tertakluklah kepada perancangan mukim atau kampung-kampung itu. Mereka mesti menghadapkan projeknya dahulu. Misalnya, satu mukim yang kita lihat sudah ada kemajuannya dari segi melahirkan dan menjual produknya dan memerlukan

peningkatan dari segi dapur kerana mereka ini kalau tidak tentu dapurnya, mereka akan susah untuk mendapatkan pensijilan halal. Apabila dinilai dan dilihat di sana ada keperluan tersebut, maka projek itu akan diberikan bantuan sejumlah yang dapat mereka berikan bagi memenuhi syarat-syarat dari persijilan dan juga meningkatkan produknya nanti.

Perkara ini ada Jawatankuasa Pandu bagi 1K1P, jadi perkara-perkara ini juga nanti dapat diteliti oleh Jawatankuasa Pandu 1K1P, bagaimana lagi kitani akan dapat memperkasa atau meningkatkan produktiviti sesuatu mukim atau kampung yang sudah membuktikan ia punya kejayaan.

2. Mengenai Buruh, memang pada masa ini ada had-had umur. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, bila membincangkan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, bagi kad hijau ertinya orang luar, di sini lebih 55 tahun. Dari segi perburuhan memang ada had-had umur, kalau ia buruh biasa sahaja, 55 tahun. Lebih 55 tahun tidak boleh lagi bekerja di sini. Kalau ia profesional, maka ia akan ditimbangkan melebihi 55 tahun. Misalnya para profesional sampai 58 tahun. Kalau ia teknikal boleh sampai 60 tahun. Dan tadi barangkali kalau pemegang syarikat itu, kalau ia menjadi *partner* kepada syarikat itu, boleh juga melebihi 55 tahun. Jadi, ini ada had-had umur

yang sudah ditentukan dalam menimbangkan lesen pekerjaan, penyambungan bagi pekerja-pekerja asing di negara ini.

Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih. Yang Berhormat Yang Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Pengerusi, kaola terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah atas pembentangan serta penerangan lengkap mengenai peruntukan di bawah Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kaola suka membawa Tajuk SE07A – Kod 003 – 00 – Pejabat Daerah Belait.

Peruntukan Jabatan Daerah Belait bagi tahun 2022 hingga 2023 yang berjumlah kira-kira \$4,453,010.00 itu sejajar dengan usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Belait dalam mengekalkan dan merancang pembangunan infrastruktur serta mengemaskinikan lagi logistik di kawasan luar bandar. Kaola suka bertanya:

1. Apakah lagi perancangan yang akan dilaksanakan bagi pembangunan luar bandar dengan bajet yang disediakan tersebut.

2. Bagi memantapkan lagi dan sebagai usaha yang berterusan dalam mengukuhkan ekonomi penduduk kampung dan mukim di kawasan pedalaman dan bagi menyokong cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi, kaola juga mengusulkan bagi jabatan-jabatan daerah melalui skim IKIP dapat mewujudkan Program Desa Lestari bagi menumpukan kepada pengukuhan aktiviti ekonomi yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung dan Mukim berdasarkan potensi khusus mereka.

Sekian disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

1. Mengenai dengan luar bandar di Kuala Belait. Jadi ini diselaraskan oleh daerah-daerah. Tetapi apa yang nyata dengan bajet yang ada itu kita terpaksa membuat keutamaan (*priority*) bagi kawasan-kawasan yang berkenaan. Umpamanya di Kuala Belait ini ada pernah ditimbulkan masalah dengan jalan kecil. Jadi dengan peruntukan yang ada, jadi atas kebijaksanaan Pegawai Daerah dengan perundingan melalui Penghulu-Penghulu dan Ketua Kampung dan agensi-agensi berkenaan akan dapat berusaha menggunakan bajet atau peruntukan

yang ada itu bagi tujuan-tujuan yang dikira keutamaan di kawasan-kawasan tersebut.

2. Mengenai ekonomi mukim dan kampung, Program Lestari sebagaimana jua dinyatakan tadi ان شاء الله kita akan berusaha untuk mengenal pasti jenis-jenis program yang dapat dilaksanakan. Dan di dalam melaksanakan program-program begini adalah mustahak kita dapat memaksimumkan kemudahan-kemudahan yang ada bukan saja dalam agensi kerajaan tetapi juga melalui juga syarikat-syarikat GLC. Umpamanya keperluan bagi daerah atau mukim itu mempunyai *central kitchen*. Jadi, kita sudah tahu ada di antara GLC ini mempunyai *central kitchen* mereka dan mempunyai kapasiti yang berlebihan yang boleh ditawarkannya kepada mukim-mukim dan kampung-kampung.

Di sini kita tidak payah membina atau membuat *central kitchen* sendiri, tetapi berusaha bagaimana mereka ini menggunakan kemudahan yang sedia ada di syarikat-syarikat lain dan dengan cara ini apa jua peruntukan yang ada disediakan di kementerian akan dapat dioptimumkan bagi mengukuhkan ekonomi.

Dalam hubungan inilah, kalau masanya 1K1P ini kita bekerjasama hari itu dengan BIBD untuk melatih pengusaha-pengusaha ini dan saya kagum dengan peserta dari Kuala Belait jauh daripada Teraja. Bayangkan jauh Teraja ke Bandar Seri Begawan untuk

menghadiri woksyp pada hujung minggu, 3 hari seminggu. Jadi bayangkan mereka ini mempunyai dedikasi. Begitu juga dengan peserta daripada Kampung Mumong, Kuala Belait bukan orang muda-muda, orang yang sudah berumur lebih 50 tahun tetapi *punctual* hadir.

Dan ini memberikan cabaran kepada peserta-peserta di Daerah Brunei dan Muara yang dekat dengan tempat kita mengendalikan bengkel ini. Sebab itu, ia memerlukan komitmen dan saya kira barangkali Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dapat memperkasa komitmen, dedikasi peserta-peserta seumpama ini.

Jadi kerana itulah mereka ini berjaya yang saya nyatakan tadi, bahawa selepas mereka mengikuti transformasi. Kerana dalam transformasi itu bukan saja mereka itu mentransform produknya tetapi juga yang penting ialah menguruskan kewangannya. Itu aspek yang penting, yang satu barangkali kekurangan kita selalu ialah pengurusan kewangan.

Jadi, berharap barangkali dengan sokongan penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung perkara ini akan dapat kita jayakan ان شاء الله

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu

Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kaola peluang untuk membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola akan menyentuh Tajuk yang melibatkan jabatan-jabatan daerah dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu Tajuk SE06A hingga SE09A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Kaola mengambil maklum dengan adanya Skim Baharu bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang giat melaksanakan proses pengisian kekosongan jawatan-jawatan Penghulu dan Ketua Kampung. Dalam hubungan ini, kaola suka membawakan usul agar institusi Penghulu Ketua Kampung sebagai pemimpin akar umbi akan lebih diperkasakan.

Dengan menyuntikkan semangat dan nafas baru dalam urus tadbir yang lebih cekap dan selari dengan keadaan semasa termasuk dari segi memberikan ilmu pengetahuan kepada para Penghulu dan Ketua Kampung dan mendedahkan mereka kepada ilmu pentadbiran,

pengurusan dan yang berkaitan. Dengan mengadakan program-program khusus seperti seminar-seminar dan seumpamanya yang bersesuaian. Tidak lupa juga mengadakan program-program bagi memantapkan pengetahuan dan ilmu para pemimpin ini dalam hal ehwal yang berkaitan dengan penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja supaya pemimpin akar umbi ini dapat menjadi contoh kepada rakyat yang dipimpin mereka di kampung-kampung dan mukim-mukim mereka.

Perkara ini kaola rasa amat penting kerana kepimpinan melalui teladan adalah sebaik-baik polisi dan akan mewujudkan suasana kepercayaan kepada pemimpin mereka daripada orang-orang kampung kerana pemimpin adalah contoh kepada anak-anak kampung. Di setiap apa yang dilakukan atau diperkatakan oleh pemimpin itu akan menjadi contoh mereka dan senanglah pemimpin akar umbi ini menjadi mata dan telinga kerajaan. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Semoga dapat memberikan nafas baru kepada Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, di atas usul atau cadangan bagi mengadakan program ataupun kursus-kursus yang boleh memperkasa, menambah ilmu pengetahuan, ilmu yang

berkaitan dengan urus tadbir supaya penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung akan bertambah cekap lagi dalam melaksanakan tugas-tugas mereka disamping itu juga perlu mengamalkan dan menghayati falsafah Melayu Islam Beraja.

Sebenarnya kursus-kursus sedemikian pernah diadakan tetapi secara berskala. Kementerian telah pun menyediakan satu program ataupun kurikulum yang lebih mantap lagi untuk diikuti oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang baru berkhidmat dengan menyediakan modul-modul tertentu dan mereka ini dikehendaki untuk mengikuti modul-modul itu sepanjang tempoh yang ditentukan dan ini sebagaimana juga yang dicadangkan oleh Yang Berhormat mengandungi modul-modul pentadbiran, mereka mesti tahu akan *General Order*, tahu akan *Financial Regulations*, tahu akan falsafah Melayu Islam Beraja, pentadbiran menurut syariah, pelaksanaan Maqasid Syariah sebagai pemimpin.

Jadi beberapa modul itu telah diteliti dan ان شاء الله kitani jua akan menjemput untuk *sosialise* perkara ini dengan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan mereka yang berpengalaman untuk meneliti akan kesesuaiannya sebelum ianya dilaksanakan.

Dan ini merupakan satu penambahbaikan daripada kursus-kursus atau program-program seminar yang pernah dilaksanakan dulu sebelum ini. Terima kasih Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

menyambut baik akan cadangan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته. Kaola ingin merujuk Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam perkara ini sukacita mengetahui apakah bentuk perancangan baharu kementerian untuk ke hadapan bagi membantu mengurangkan sedikit sebanyak pengangguran dan menggalakkan lebih ramai lagi belia-belia untuk berkecimpung dalam mengusahakan Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Dan seterusnya bagaimana cara kementerian memastikan bekalan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) akan berterusan menjana ekonomi pengusahanya dan bagaimana cara mengawal akan kualiti hasilnya?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Naim, atas soalan yang dikemukakan.

Perkara yang berkaitan dengan masalah pengangguran itu dapat diteliti ataupun diaddress oleh beberapa agensi kerajaan dan khususnya pada masa ini ialah *Manpower Employment Council*. Sejauh yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memanglah hasrat

kitani dulu, kalau sekiranya Program 1K1P itu berjaya sebagai satu program ekonomi Mukim dan Kampung ia sekurang-kurangnya dapat menyediakan pekerjaan kepada belia-belia disana. Ini saya lihat, contohnya seperti mukim-mukim yang telah menjadikan produk pelancongan sebagai produk mereka.

Begitu juga dengan produk makanan, umpamanya di Batu Apoi, proses membuat ambulung tetapi juga ia punya *spin-off* dari ambulung ialah membuat biskut ambulung dan sebagainya. Dalam mana disana memproses rumbia itu untuk menjadikan ia ambulung itu beberapa orang belia telah pun bekerja di sana, sebahagiannya *part time* ada yang *full time*. Jadi inilah yang kita harapkan. Semua ini menghendaki kerjasama sokongan bagaimana kitani dapat melaksanakannya. Dalam mukadimah saya tadi, saya ada menyentuh mengenai dengan kemudahan prasarana-prasarana di bandar-bandar untuk memberikan kemudahan kepada mereka yang bergiat dalam bidang perniagaan, gerai-gerai misalnya akan dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada. Masalahnya kitani ini di sini ini ialah untuk mengenal pasti siapa yang benar-benar berminat untuk menceburi bidang-bidang tersebut. ان شاء الله kalau ada kesepaduannya dari semua pihak yang berkenaan perkara-perkara ini akan dapat kitani tangani bersama. Barangkali itu jawapan kaola mengenai sejauh mana kementerian dapat menyumbang ke arah menyediakan jua peluang pekerjaan kepada belia-belia yang menganggur ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.



**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah pun menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Saya kira ada baiknya sekarang Tajuk ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya tajuk ini diluluskan. Sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)**

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tajuk SA01A – SA12A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah kita berbincang mengenai dengan Tajuk di bawah Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 dan dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita beralih bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun bersidang dalam jawatankuasa sepenuhnya pada pagi ini, maka saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis

Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada petang nanti mulai daripada jam 2.30 petang sebagaimana biasa.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**